

Pendidikan Al-Quran Menurut Perspektif Ibnu Sahnun (m.875M/256H)

Shahnun Haji Musa
shahnunmusa70@gmail.com
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

Burhan Che Daud
burhan@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Pendidikan al-Quran adalah satu usaha mulia dan meliputi pelbagai aspek yang tidak terhenti kepada pembelajaran bacaan dan hafalan semata-mata. Usaha ini melibatkan pengajaran dan pembelajaran bacaan yang sahih, pemahaman yang mendalam dan hafalan ayat, memupuk pertumbuhan kerohanian dan seterusnya membimbing aplikasi praktikal dalam kehidupan seharian. Penulisan ini bertujuan menganalisis konsep dan aplikasi pendidikan al-Quran menurut perspektif Ibnu Sahnun (m.875M/256H) dalam karya *Adab al-Mu'allimin*. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep dan aplikasi pendidikan al-Quran yang digagaskan serta dilaksanakan oleh Ibn Sahnun adalah secara holistik dan integratif berdasarkan sumber-sumber hadis dan al-athar. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan dan dijadikan panduan kepada para pengusaha sekolah dan kelas tahfiz, pendidik dan guru al-Quran, ibu bapa dan murid-murid pencinta al-Quran dalam melaksanakan kewajipan pengajaran dan pembelajaran al-Quran serta implikasinya dalam membina generasi al-Quran yang kalis masa depan.

Kata kunci: Pendidikan al-Quran; holistik; integratif; Ibnu Sahnun; Kitab *Adab al-Mu'allimin*

Al-Quran Education According to the Perspective of Ibnu Sahnun (d.875M/256H)

ABSTRACT

Al-Quran education is a noble endeavor and covers various aspects including learning, reading, memorization and so forth. It also involves teaching and learning authentic reading, deep understanding and memorization of verses which eventually foster spiritual growth and lead the way to practical application in daily life. This article aims to analyze the concept and application of al-Quran education according to the perspective of Ibnu Sahnun (d. 875 AD/256 H) in his treatise, *Adab al-Mu'allimin*. This study is qualitative in nature and employed content analysis method. The results of the study show that the concept and application of al-Quran education conceived and implemented by Ibn Sahnun are holistic and integrative in nature based on sources from hadith and al-athar. The findings of this study could benefit and be utilised as a practical

guide for school operators and tahfiz classes, educators and al-Quran teachers, parents and students of al-Quran in carrying out the obligation of teaching and learning Al-Quran as well as its practical implications in nurturing future-proof generation of Al-Quran.

Keywords: Al-Quran education; holistic; integrative; Ibn Sahnun; the Book of *Adab al-Mu'allimin*.

PENGENALAN

Kitab Al-Quran yang dipercayai oleh umat Islam sebagai kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, adalah satu mukjizat yang berfungsi sebagai panduan untuk semua aspek kehidupan, merangkumi kelakuan moral, prinsip undang-undang, dan kerohanian peribadi. Mengajar al-Quran sebagai kitab suci agama Islam, adalah satu tanggungjawab dan usaha yang mendalam dan transformatif yang mempunyai implikasi rohani, budaya, dan pendidikan yang signifikan (Farantika, D., Shofwan, A. M. & azizah, L., 2022). Oleh yang demikian, peranan seorang guru al-Quran bukan sahaja untuk menyampaikan lafaz al-Quran semata-mata tetapi juga untuk menyemai pemahaman yang mendalam tentang makna, konteks, penghayatan serta pelaksanaannya (Ahmad Bazli, A.H., Zulkarnain, Z. & Mahiz, S., 2018). Sebagai pendidik, tanggungjawab mengajar al-Quran amat besar dan begitu juga ganjarannya (Aflisia, N., Ahmad E.Q.N. & Suhartini, A., 2021). Dengan mengamalkan kedua-dua pendekatan tradisional dan moden, para pendidik boleh memastikan bahawa al-Quran terus menyuluh nurani dan fikiran individu merentas generasi dan budaya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menganalisis model pendidikan al-Quran yang digagaskan oleh Ibnu Sahnun melalui karya pendidikan beliau iaitu Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan kaedah kepustakaan melalui analisis kandungan. Data primer bagi kajian ini ialah Kitab *Adab al-Mu'allimin* dengan sokongan data-data daripada buku-buku, artikel dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Kitab *Adab al-Mu'allimin* yang dirujuk untuk kajian ini adalah terbitan 2014 dengan pemurnian oleh Abdullah 'Adil. Manakala untuk membantu pemahaman teks tersebut, pengkaji juga merujuk kepada terjemahan kitab ini yang disusun oleh (Mohammad Syafiq, 2019). Namun untuk menulis semula teks ke dalam bahasa Melayu, pengkaji tidak bergantung sepenuhnya kepada terjemahan beliau.

Sorotan Literatur

Bagi meninjau keperluan dan kepentingan kajian ini, beberapa kajian lampau yang berkaitan telah dirujuk. Antaranya kajian Engku Alwi (2014), yang telah menjelaskan cabaran besar yang dihadapi dalam kehidupan seorang muslim kini, termasuklah muslim di negara kita Malaysia (Engku Alwi, E.A.Z., Abu Bakar, N.A. & Subki, R.N., 2014). Dalam menghadapi cabaran yang berbentuk dalaman dan luaran ini, setiap muslim perlu mendapat bimbingan dan panduan yang benar daripada al-Quran dan al-Sunah. Bahkan al-Quran dan al-Sunah mampu menjadi pencetus kecemerlangan masyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan. Kajian Ahmad Bazli et al. (2018) telah menunjukkan pendidikan al-Quran berhadapan dengan beberapa cabaran dan peluang.

Cabaran utama kebolehcapaian, kualiti pengajaran dan pembelajaran, sensitiviti budaya serta penghayatan dan perkaitan dengan konteks semasa (Ahmad Bazli, A.H., Zulkarnain, Z. & Mahiz, S., 2018). Kebolehcapaian adalah memastikan pendidikan al-Quran boleh diakses oleh semua, tanpa mengira lokasi geografi atau status sosio-ekonomi. Sekalipun platform digital telah menangani isu ini dengan ketara, tetapi jurang masih wujud dan isu ini masih kekal sebagai cabaran kritikal. Manakala aspek sensitiviti budaya pula, mengajar al-Quran dalam konteks budaya yang pelbagai memerlukan kepekaan terhadap adat dan bahasa tempatan. Penyesuaian kaedah pengajaran dengan budaya yang berbeza dengan mengekalkan intipati ajaran al-Quran adalah penting. Membimbing pelajar menjadikan Al-Quran relevan dengan kehidupan mereka hari ini adalah satu cabaran yang berterusan. Lantaran mereka diberi pengajaran dan pembelajaran secara penghayatan dan perkaitan dengan konteks semasa melalui kaedah pengajaran yang inovatif dan tafsiran kontekstual membantu dalam merapatkan jurang perbezaan budaya. Dalam konteks pendidikan Islam yang lebih luas, program Ulul Albab, seperti yang dibincangkan oleh Nor Adzimah et al. (2017), mengintegrasikan pendidikan agama dan sekular untuk melahirkan individu yang berilmu dan berakhlak mulia. Pihak berkepentingan percaya bahawa program sebegini seharusnya bukan sahaja tertumpu kepada kecemerlangan akademik tetapi juga untuk membina sahsiah yang baik (akhlak) dan rasa tanggungjawab yang kukuh terhadap agama dan masyarakat (Nor Adzimah, S. & Nor Hayati, A., 2017).

Seterusnya kajian oleh Jamali et.al (2020) pula membincangkan bagaimana Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI), dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menekankan kepentingan menyelaraskan ajaran Islam tradisional dengan keperluan pendidikan kontemporari. Penyepaduan ini dicerminkan dalam inisiatif pembelajaran abad ke-21 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), yang menggalakkan persekitaran pembelajaran yang dinamik dan berpusatkan pelajar. (Jamali, R.A & Tengku Kasim, T.S.A, 2020).

Manakala Muhamad et al.(2019) meneroka kaedah Talaqqi Musyafahah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Perak. Kaedah tradisional ini melibatkan penghantaran lisan secara langsung daripada guru kepada pelajar dan telah terbukti dapat meningkatkan kebolehan membaca al-Quran pelajar dengan ketara. Kajian mendapati hubungan yang kukuh antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan pencapaian bacaan pelajar, menonjolkan keberkesanan kaedah tersebut (Muhammad, N., Hashim, A., Abdullah, W.H., Kamarul Zaman, M.A. & Zamri, F.A., 2019).

Secara keseluruhan, kajian literatur menunjukkan keperluan kepada penyelidikan dan inovasi yang berterusan untuk menangani cabaran dalam pendidikan al-Quran serta memastikan keterangkuman dan kecemerlangan merentas populasi pelajar yang pelbagai. Literatur yang dikaji menyerlahkan landskap pendidikan al-Quran yang berkembang di Malaysia, di mana amalan tradisional disepadukan dengan falsafah pendidikan moden untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dan menarik. Kajian lepas menekankan kepentingan memodenkan pendidikan al-Quran untuk memenuhi piawaian pendidikan kontemporari sambil mengekalkan intipati ajaran Islam tradisional. Oleh demikian, satu kajian diperlukan untuk mengemukakan model pengajaran dan pembelajaran al-Quran daripada sarjana Islam sebagai panduan pelaksanaan pendidikan integrasi pendekatan autentik dan futuristik.

PERBINCANGAN

Kajian ini membincangkan secara ringkas biografi Ibnu Sahnun, Kitab *Adab al-Mu'allimin* serta pendidikan al-Quran menurut perspektif Ibnu Sahnun.

Biografi Ibnu Sahnun

Ibnu Sahnun ialah Muhammad bin Abdul Salam bin Sa'id bin Habib bin Hasan bin Hilal bin Bikar bin Rabi'ah al-Tanukhi (Iyadh, 1983). Gelaran beliau ialah Abu Abdullah. (Adil, 2014) Beliau lebih dikenali dengan Ibnu Sahnun, iaitu sandaran kepada gelaran bapanya Abdul Salam Sahnun. Beliau dilahirkan di Qairawan (sekarang Tunisia) pada tahun 202H bersamaan 817M (Al-Dibagh, 1968) dan meninggal dunia pada tahun 256H bersamaan 870M ketika berusia 54 tahun (Al-Maliki, 1994). Ibnu Sahnun adalah seorang ahli perundangan Islam terkemuka dan ulama mazhab Maliki (Soyyud, 2015). Sumbangannya yang mendalam terhadap pendidikan Islam dan perundangan telah meninggalkan legasi yang berkekalan, khususnya di Afrika Utara (Nurhayati, 2015). Ibnu Sahnun terkenal sebagai seorang ulama yang pintar dan mempunyai ketokohan dalam pelbagai bidang termasuklah hadis, fiqh, akidah dan ilmu kalam, pendidikan, pengajaran dan halaqat, perdebatan dan penulisan (Shahnun, H. M. & Burhan, C. D, 2023). Beliau juga merupakan seorang tokoh penting dalam pembangunan teori perundangan Islam dan amalan pendidikan Islam (Najadat, 2018).

Kitab Adab al-Mu'allimin

Hasil daripada pengalaman belajar di *kuttab* dan penglibatan beliau dengan pengajaran di pusat pendidikan tersebut, Ibnu Sahnun telah menulis sebuah buku berkaitan pendidikan kanak-kanak di *kuttab* yang diberi nama Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Kitab ini merupakan catatan perbincangan beliau dengan bapanya Imam Sahnun telah menjadi panduan pendidikan bertulis yang pertama dalam sejarah pendidikan Islam (Usairi, 2021). Kitab *Adab al-Mu'allimin* ini mengandungi sepuluh fasal yang terdiri daripada 145 perkara (Abi Abdullah Adil, 2014). Kandungannya dirumuskan sebagai berkaitan dengan pengurusan sekolah, pengurusan guru dan profesionalisme keguruan, pengurusan murid, pengurusan kurikulum dan pedagogi, pengurusan sumber pengajaran, hubungan sekolah dengan ibu bapa dan hubungan sekolah dengan masyarakat. Keseluruhan perkara ini diberi perhatian oleh Ibnu Sahnun berdasarkan prinsip fiqhyyah dalam usaha membentuk sistem pendidikan yang komprehensif untuk mendidik kanak-kanak secara holistik dan sepadu. Tujuan utama pendidikan beliau adalah untuk melahirkan individu yang alim, amil dan abid melalui pendidikan al-Quran dan berteraskan pendidikan kerohanian. Kajian ini merujuk kepada Kitab *Adab al-Mu'allimin* yang telah diterbitkan pada tahun 2014 dengan pemurnian oleh Abi Abdullah Adil bin Abdullah Ali Hamdan. Kitab edisi beliau dikemukakan nas sebagaimana di dalam manuskrip, pemurnian perkataan yang tercicir, takhrij hadis dan *al-athar*, komentar beliau dan nukilan pandangan ulama salaf, pernyataan biodata perawi hadis dan penandaan ayat-ayat al-Quran dan hadis serta faedah fiqhiah (Abi Abdullah Adil, 2014).

Pendidikan Al-Quran

Sorotan pendidikan al-Quran dalam Kitab *Adab al-Mu'allimin* adalah sebagaimana berikut;

JADUAL 1. Petikan Teks Kitab *Adab al-Mu'allimin* Berkaitan Pendidikan al-Quran

| Bil | Fasal | Perkara | Kandungan | M/surat |
|-----|-------|---------|---|---------|
| 1. | 1 | 1 | Bapaku Sahnun meriwayatkan kepadaku, daripada Abdullah bin Wahb, daripada Sufyan al-Thauri, daripada 'Alqamah bin Marthad. daripada Abu Abd al-Rahman al-Sulami, daripada Usman bin 'Affan RA, bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, " <i>Yang paling mulia antara kalian ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.</i> " - Hadis sahih | 71 |
| 2. | 1 | 2 | Muhammad (bin Sahnun, meriwayatkan), daripada Abu Tahir, daripada Yahya bin Hassan, daripada Abdul Wahid bin Ziyad, daripada Abdul Rahman bin Ishak, daripada Nukman bin Saad, daripada Ali bin Abi Talib RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda, " <i>Yang terbaik antara kalian ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.</i> " Hadis sahih | 72 |
| 3. | 1 | 3 | Daripada Yaakub bin Kasib, daripada Yusuf bin Abi Salamah, daripada bapanya (Abu Salamah), daripada Abdul Rahman bin Hurmuz, daripada 'Ubaidullah bin Abi Rafi', daripada Ali bin Abi Talib RA, bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda, " <i>Allah mengangkat beberapa golongan (manusia) kerana al-Quran.</i> " Hadis hasan | 72 |
| 4. | 1 | 5 | Musa, daripada Abdul Rahman bin Mahdi, daripada Abdul Rahman bin Budayl, daripada bapanya (Budayl), daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW bersabda, " <i>Sesungguhnya Allah memiliki ahlinya daripada kalangan manusia.</i> " Dikatakan, " <i>Siapakah mereka, wahai Rasulullah?</i> " Baginda menjawab, " <i>Mereka adalah hamalah (penghafal) al-Quran. Mereka inilah ahli Allah dan golongan khas buat-Nya.</i> " -Hadis sahih | 73 |
| 5. | 1 | 8 | Ahmad bin Abu Bakar memberitahuku (Muhammad), daripada al-Zuhri, daripada Muhammad bin Talhah, daripada Said bin Abi Said al-Magburi, daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda, " <i>Barangsiapa yang mempelajari al-Quran di usia muda belianya, (nescaya) al-Quran bercampur dengan daging dan darahnya. Barangsiapa yang mempelajarinya di usia tuanya, dalam keadaan dia mudah terlepas daripadanya (hafalan dan bacaan tidak salah) dan dia tidak meninggalkannya (al-Quran itu, meskipun susah dipelajarinya), maka dia mendapat pahalanya dua kali ganda</i> ". Hadis hasan | 74-75 |
| 6. | 8 | 62 | Hendaklah dia mengajarkan bacaan al-Quran yang tepat, dan demikian itu menjadi kewajipan buatnya. Begitu juga baris huruf, sebutan huruf, tulisan yang cantik, bacaan yang merdu, hukum-hakam <i>waqf</i> (berhenti), dan tartil (tajwid), menjadi kewajipan buatnya (mengajarkannya kepada kanak-kanak). | 113 |

| | | | | |
|-----|---|----|--|---------|
| 7. | 8 | 64 | Wajib untuknya mengajarkan mereka tentang apa yang diketahuinya daripada qiraat (bacaan al-Quran) yang baik, iaitulah bacaan Nafi'. Tidak mengapa sekiranya dia mengajarkan qiraat yang lain kepada mereka, selama mana ia (bacaan) itu tidak buruk. Seperti: (يُبَشِّرُكَ) ، (وَأُودِعُ) ، (وَحَرَّمَ عَلَى قَرِيْبَةٍ) Akan tetapi dia mengajarkan bacaannya: (يُبَشِّرُكَ) Ayat 39, surah Ali Imran (وَأُودِعُ) Ayat 33, Surah Luqman (وَحَرَّمَ عَلَى قَرِيْبَةٍ) Ayat 95, Surah al-Anbiya' Dan yang seumpama dengannya. Serta seluruh (bacaan) yang dibacakan oleh para sahabat Rasulullah SAW. | 114 |
| 8. | 8 | 67 | Hendaklah dia mengawasi mereka saat pengajaran dan 'ard (mengajarkan hafalan baru). Hendaklah dia menentukan hari bagi 'ard ini, misalnya pada hari Khamis, atau malam hari Rabu. | 117-118 |
| 9. | 8 | 70 | Daku berpendapat bahawa dia tidak boleh mengajarkan <i>lahan</i> (bacaan berlagu) bagi al-Quran | 118 |
| 11. | 8 | 77 | Tidak boleh baginya (guru itu) untuk memindahkan mereka daripada satu surah kepada surah yang lain, sehinggalah mereka menghafalnya dengan bacaan dan tulisannya, melainkan sekiranya para bapanya memudahkan (memberi izin) pada demikian baginya. | 125 |

Keutamaan belajar dan mengajar al-Quran sebagai *kalamullah* yang menjadi panduan samawi dalam kehidupan manusia. Ibnu Sahnun telah membina keyakinan kanak-kanak dan guru untuk mempelajari al-Quran dengan sebaiknya melalui penjelasan hadis-hadis Rasulullah SAW. Sebagaimana Fasal 1 Perkara 1-9. Dorongan juga menjelaskan keistimewaan golongan yang berusaha untuk menjadi *hamalah al-Quran*. iaitu *ahlu al-Quran* sebagaimana Fasal 1 Perkara 5. Pembelajaran al-Quran yang dilaksanakan adalah menjadi satu mata pelajaran yang wajib kepada setiap kanak-kanak yang belajar di *kuttab*, lelaki dan perempuan tanpa mengira usia kanak-kanak tersebut sebagaimana Fasal 8 Perkara 62.

Pendidikan al-Quran yang dilaksanakan di *kuttab* mengikut pemikiran Ibnu Sahnun sebagaimana dalam Jadual 1 adalah dilaksanakan secara menyeluruh. Proses dan prosedur pengajaran dan pembelajaran terdapat secara jelas dalam catatan beliau, iaitu pembelajaran dimulakan dengan mengenal huruf al-Quran, mengenal baris huruf, sebutan huruf, menulis ayat-ayat al-Quran dengan cantik, membaca ayat-ayat al-Quran dengan suara yang merdu, mempelajari tajwid dan membaca secara tartil sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 62. Suruhan dan galakan ini ada disebutkan dalam hadis iaitu (Al-Bukhari):

ليس منا من لم يتغن بالقرآن، وزاد غيره: يجهر به

Terjemahan: “Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak memperindahkan bacaan al-Quran”. Sebahagian yang lain menyebut menyaringkannya (Riwayat al-Bukhari, hadis no.7527).

Pelajar dikehendaki menulis ayat hafazan dan belajar ikrab al-Quran. Ikrab al-Quran bermaksud mengetahui makna, maksud, kehendak dan huraian satu persatu perkataan ayat al-

Quran dari segi bahasa dan tatabahasa. Mereka diajar menulis ayat al-Quran pada papan tulis dengan menggunakan dakwat dan memadamkannya setelah selesai hafazan ayat tersebut dengan cara tertib dan beradab sebagaimana Fasal 3 Perkara 17-18. Manakala Fasal 8 Perkara 64 tentang pelajar diajar dan dilatih membaca al-Quran dengan qiraat Nafi'.

Pelajar mesti menguasai sepenuhnya ayat al-Quran yang dihafalnya, iaitu boleh membaca dengan baik, menulis ayat tersebut dan memahami isi kandungan ayat tersebut sebelum dibenarkan oleh guru untuk berpindah kepada ayat baharu. Masa dan jadual khusus untuk penulisan ayat dan memulakan ayat hafazan baharu telah ditetapkan sebagai panduan kepada guru dan pelajar untuk mengurus hafalan dengan baik dan terancang sebagaimana Fasal 8 Perkara 67. Tempoh pembelajaran al-Quran tidak dinyatakan secara jelas kerana ia bergantung kepada kemampuan pelajar itu sendiri. Mereka dikira tamat pengajian di *kuttab* setelah tamat bacaan dan hafazan al-Quran secara keseluruhannya sebanyak 114 surah sebagaimana Fasal 8 Perkara 79 dan Fasal 9 Perkara 122. Begitu juga susunan ayat dan surah hafazan tidak dinyatakan secara terperinci, namun boleh difahami bahawa hafazan dimulakan dengan surah al-Fatihah dan al-Baqarah kerana dua pertiga hafazan adalah pada surah Yunus sebagaimana Fasal 5 Perkara 36 dan Fasal 7 Perkara 48.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara formal di dalam kelas, Ibnu Sahnun juga membimbing para pelajar menghargai dan menghormati al-Quran sebagai kitab suci umat Islam. Dalam konteks ini, antara yang dianalisis dalam Kitab *Adab al-Mu'allimin* ialah berkaitan pendidikan hukum dan etika berkaitan dengan al-Quran. Hasil analisis adalah sebagaimana di dalam jadual berikut:

JADUAL 2. Petikan Teks Kitab *Adab al-Mu'allimin* Berkaitan Pendidikan Hukum Dan Etika Dengan al-Quran

| Bil | Fasal | Perkara | Kandungan | M/surat |
|-----|-------|---------|--|---------|
| 1. | 3 | 17 | Muhammad bin Abdul Rahman mengkhabarkan kepadaku, daripada Abdulah bin Said, daripada Zaid bin Rabi'; daripada Bishr bin Hakim, daripada Sa'id bin Harun, daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata, "Sekiranya kanak-kanak al-Kuttab (sekolah) memadam " <i>Tanzil (al-Quran) daripada Tuhan sekelian alam</i> " (al-Waqi'ah, 80) daripada papan tulis mereka dengan tapak kaki mereka, guru itu sesungguhnya telah melemparkan Islam di belakang badannya (yakni murtad). Dia tidak hiraupun akan bagaimana keadaannya bertemu dengan Allah (di akhirat kelak)." Anas ditanya, "Bagaimanakah keadaan para muaddib (guru) pada zaman para Imam: Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali RAnhum?" Anas menjawab, "Guru itu memiliki tempat basuhan, dan setiap kanak-kanak akan datang setiap hari dengan bekas airnya membawa air yang bersih, mereka menyiramnya (papan itu) di dalamnya (tempat basuhan itu), dan memadam papan tulis mereka dengannya." Anas berkata lagi, "Lalu mereka menggali sebuah lubang di atas permukaan tanah, mereka menuang bekas air tadi ke dalamnya, dan (dibiarkan) kering (dengan sendirinya) | 83-84 |
| 2. | 3 | 18 | Daku (Muhammad) bertanya (kepada Sahnun), "Bagaimana pendapatmu, bolehkah dibersihkan dengan jilatan (yakni air liur)?" Beliau (Sahnun) menjawab, "Harus (hukumnya). Jangan saja dipadam dengan kaki, tapi dipadam dengan sapu tangan dan apa yang seumpamanya." | 85 |

| | | | | |
|----|---|-----|---|-----|
| 3. | 3 | 19 | Daku (Muhammad) bertanya (kepada Sahnun), "Bagaimana pendapatmu tentang persoalan-persoalan (ilmiah) yang ditulis kanak-kanak di <i>Kuttab</i> (sekolah)?" Beliau (Sahnun) menjawab, "Kalau ada daripadanya zikrillah (al-Quran), janganlah dipadam dengan kakinya. Tidak mengapa dipadam selainnya apa saja yang bukan al-Quran." | 85 |
| 4. | 8 | 71 | Kerana Malik berkata, "Tidak boleh membaca al-Quran dengan berlagu (<i>lahan</i>) (Maksud berlagu di sini merujuk kepada lagu-lagu dan notasi-notasi Arab yang dilagukan dengan suara nyanyian sebagaimana nyanyian di dalam majlis-majlis keramaian dan dengan tujuan mendapatkan duit. Adapun membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan tajwid yang tepat merupakan saranan Rasulullah SAW; " <i>Hiasilah al-Quran dengan suara-suara kalian</i> ". Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, an-Nasa'i dan Ibnu Majah) | 119 |
| 5. | 8 | 73 | Beliau (Muhammad) berkata, Sahnun berkata, "Malik sesungguhnya pernah ditanya berkenaan majlis-majlis perhimpunan untuk membaca (al-Quran). Beliau berkata, " <i>Bid'ah</i> " Daku berpendapat bahawa para wali (penjaga kanak-kanak itu) hendaklah melarang mereka daripada perbuatan sedemikian. | 122 |
| 6. | 8 | 94 | Tidak mengapa bagi kanak-kanak - sekiranya dia belum mencapai <i>hulum</i> (yakni belum baligh) - untuk membaca di papan tulis, tanpa wuduk, sekiranya dia mempelajarinya. Demikian juga guru. | 137 |
| 7. | 8 | 95 | Kanak-kanak tidak boleh menyentuh mushaf melainkan dengan wuduk, dan hendaklah dia (guru) memerintahkan mereka untuk melakukan demikian hinggalah mereka mempelajarinya. | 137 |
| 8. | 8 | 101 | Daku (Muhammad) tidak berpendapat bolehnya dia membaca di tempat mandi. | 146 |
| 9. | 8 | 102 | Malik berkata, "Sekiranya seorang guru melewati bacaan sajdah (bacaan sujud tilawah), dalam keadaan kanak-kanak itu membacaknya kepadanya (yakni sajdah itu merupakan pada bacaan kanak-kanak yang diperdengarkan kepada guru), maka tidak perlulah untuk dia (guru) sujud padanya. Hal ini kerana kanak-kanak bukanlah (layak dijadikan) sebagai seorang imam. Melainkan sekiranya dia seorang yang baligh, maka tidak mengapa untuknya (guru) itu sujud (tilawah bersamanya). Sekiranya dia meninggalkannya (sujud tilawah itu), maka tidak mengapa, kerana ia bukan wajib. Anas berkata lagi, "Lalu mereka menggali sebuah lubang di atas permukaan tanah, mereka menuang bekas air tadi ke dalamnya, dan (dibiarkan) kering (dengan sendirinya) | 147 |

Antara yang terdapat dalam catatan Ibnu Sahnun sebagaimana dalam Jadual 2, ialah hukum dan etika berkaitan dengan pembelajaran al-Quran. Pelajar dilatih supaya memahami hukum dan etika dengan al-Quran, *kalamullah* terutama ketika memegang dan membaca al-Quran. Kanak-kanak boleh membaca al-Quran tanpa berwuduk sekiranya tidak memegang mushaf sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 94. Manakala dalam fasal 8 Perkara 95, pelajar mesti berwuduk untuk memegang mushaf al-Quran. Sebagai menghormati kesucian al-Quran, mereka diingatkan tentang larangan membaca al-Quran di dalam tandas sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 103. Larangan lain berkaitan bacaan al-Quran ialah pelajar dilarang membaca al-Quran secara berlagu (*lahan*) sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 72. Berlagu di sini merujuk kepada lagu-lagu dan notasi-notasi Arab yang dilagukan dengan suara nyanyian sebagaimana nyanyian di dalam majlis-majlis keramaian dan dengan tujuan mendapatkan duit. Manakala membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan tajwid yang tepat merupakan saranan Rasulullah SAW; "*Hiasilah*

al-Quran dengan suara-suara kalian” (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, an-Nasa’i dan Ibnu Majah). Mereka juga ditegah membaca al-Quran beramai-ramai di dalam satu majlis sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 73.

Di samping itu, pelajar juga dilatih dengan melakukan sujud tilawah apabila membaca ayat-ayat al-Quran termasuk menjelaskan tatacara sujud tilawah apabila mendengar orang lain yang membaca al-Quran. Sebagaimana dalam Fasal 8 Perkara 102-106. Manakala penjelasan hukum dan etika menulis memadam tulisan ayat al-Quran yang ditulis pada papan luh berdasarkan Fasal 3 Perkara 17, 18 dan 19. Pelajar dilatih mencucinya dengan penuh adab dan etika iaitu mencuci menggunakan air dan ditadah di dalam bekas khas, kemudian air tersebut dicurah di dalam lubang yang digali khusus untuk tujuan itu. Mereka boleh menggunakan sapu tangan untuk menanggalkan dakwat yang melekat tetapi tidak boleh mencuci tulisan ayat tersebut dengan menggunakan kaki mereka. Keadaan ini menunjukkan betapa adab dengan al-Quran itu perlu dipupuk sejak awal kanak-kanak lagi agar ia menjadi kelaziman sehingga dewasa kelak. Ia sejajar dengan firman Allah SWT dalam kesucian menjaga *kalamullah*:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-zikr (al-Quran), dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”. (Surah al-Hijr (15:9).

DAPATAN KAJIAN

Melalui analisis kandungan Kitab *Adab al-Mu'allimin*, dapat dirumuskan pendidikan al-Quran mengikut perspektif Ibnu Sahnun adalah sebagaimana di dalam jadual di bawah;

JADUAL 3. Rumusan Berkaitan Pendidikan Al-Quran Mengikut Perspektif Ibnu Sahnun Berdasarkan Teks Kitab *Adab al-Mu'allimin*

| Bil | Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran | Perkara | Rujukan teks Kitab <i>Adab al-Mu'allimin</i> |
|-----|--|--|--|
| 1. | Keutamaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran | Kelebihan orang belajar dan mengajar al-Quran | Fasal 1; Perkara 1& 2; ms. 71 |
| | | Keistimewaan orang belajar al-Quran | Fasal 1; Perkara 3; ms. 72 |
| | | Kelebihan golongan yang mempelajari al-Quran dalam usia muda | Fasal 1; Perkara 8; ms. 84 |
| 2. | Kepentingan hafalan al-Quran | Kelebihan penghafal al-Quran | Fasal 1; Perkara 5; ms. 73 |
| 3. | Kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran al-Quran | Mengenal huruf al-Quran | Fasal 8; Perkara 62; ms.113 |
| | | Menulis ayat-ayat al-Quran | Fasal 8; Perkara 62; ms.113 |
| | | Bacaan bertajwid | Fasal 8; Perkara 62; ms.113 |
| | | Ikrab | Fasal 1; Perkara 7; ms.74 |
| | | Qiraat | Fasal 8; Perkara 62; ms.113 |
| | | Tarannum (bacaan dengan suara merdu) | Fasal 8; Perkara 64; ms.114 |
| | Hafazan | Fasal 8; Perkara 67; ms.117-118 | |
| 4. | Susunan ayat dan surah bacaan dan hafazan | Dua pertiga hafazan adalah pada surah Yunus. | Fasal 8; Perkara 79; ms.125-126 |

| | | | |
|----|---|--|--|
| | | Satu pertiga hingga surah al-Baqarah | Fasal 9; Perkara 122; ms.156-157 |
| 5. | Kebenaran berpindah ayat baharu | Penguasaan; membaca, menghafaz, menulis | Fasal 8; Perkara 77; ms.125 |
| 6. | Jadual kelas hafazan al-Quran | Masa dan hari memulakan ayat baharu untuk hafazan (Malam hari Rabu atau hari Khamis) | Fasal 8; Perkara 67; ms.117-118 |
| 7. | Tamat pengajian | Khatam bacaan dan khatam hafazan al-Quran | Fasal 5; Perkara 36; ms96 Fasal 7; Perkara 48; ms.103-104 |
| 8. | Hukum berkaitan dengan pengajian al-Quran | Membersih tulisan ayat al-Quran | Fasal 3; Perkara 17-18; ms. 83-83 |
| | | Cara bacaan al-Quran yang dilarang | Fasal 8; Perkara 71; ms. 119 |
| | | Boleh membaca ayat al-Quran yang ditulis tanpa berwuduk | Fasal 8, Perkara 94, ms. 137 |
| | | Berwuduk untuk menyentuh mushaf | Fasal 8, Perkara 95, ms. 137 |
| | | Sujud tilawah dan tatacara sujud bila mendengar orang lain membaca ayat sajdah | Fasal 8; Perkara 102-106; ms. 147-148 |
| | | Larangan membaca al-Quran di dalam tandas | Fasal 8; Perkara 103; ms. 148 |

Berdasarkan jadual di atas, dirumuskan lapan perkara utama berkaitan pengajaran dan pembelajaran al-Quran mengikut perspektif Ibnu Sahnun berdasarkan Kitab *Adab al-Mu'allimin*. Perkara pertama dan kedua ialah berkaitan keutamaan belajar dan mengajar al-Quran serta kelebihan menghafal al-Quran. Perkara ketiga pula berkenaan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran al-Quran iaitu mengenal huruf al-Quran, menulis ayat-ayat al-Quran, bacaan bertajwid, ikrah, qiraat, tarannum dan menghafal al-Quran.

Manakala perkara keempat berkaitan susunan ayat dan surah bacaan dan hafazan iaitu dua pertiga hafazan adalah pada surah Yunus dan satu pertiga hingga surah al-Baqarah. Perkara kelima pula berkaitan kebenaran berpindah ayat hafazan baharu setelah menguasai ayat hafazan sebelumnya dengan membaca menulis dan menghafal dengan betul dan lancar. Perkara keenam adalah berkenaan jadual waktu dan kelas hafazan al-Quran termasuklah hari khas untuk membentangkan ayat hafazan baharu iaitu pada waktu malam hari Rabu atau hari Khamis. Seterusnya perkara ketujuh berkaitan tamat pengajian iaitu setelah khatam hafazan al-Quran sebanyak 30 juzuk, bergantung kepada kemampuan murid. Perkara terakhir pula berhubung dengan etika dan hukum berkaitan pengajian al-Quran. Perkara tersebut termasuklah tatacara membersihkan tulisan ayat al-Quran, berwuduk untuk membaca dan memegang mushaf, jenis bacaan yang dilarang, larangan membaca al-Quran di tandas serta tatacara melakukan sujud tilawah.

RUMUSAN

Kajian ini telah menganalisis integrasi konsep pendidikan al-Quran bukan sekadar hafalan tetapi juga melibatkan pemahaman, amalan dan pembangunan rohani. Kajian ini penting dalam konteks pendidikan Islam kontemporari kerana ia menggariskan prinsip-prinsip pendidikan yang bukan hanya mengekalkan tradisi tetapi relevan untuk menghadapi cabaran masa kini.

Kelebihan utama kajian ini ialah membuktikan model pendidikan al-Quran yang holistik, meliputi kaedah seperti talaqqi musyafahah iaitu pembelajaran secara lisan dan pengajaran bacaan dengan bertajwid. Ibnu Sahnun menekankan perlunya pendekatan komprehensif yang merangkumi aspek bacaan, penulisan dan pemahaman ayat-ayat al-Quran serta adab-adab yang berkaitan. Melalui penekanan disiplin dan etika dalam proses pembelajaran, kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan al-Quran bukan sahaja soal kognitif tetapi juga melibatkan pembentukan karakter, peribadi, akhlak dan adab yang amat penting dalam pendidikan Islam.

Model pendidikan al-Quran melalui perspektif Ibnu Sahnun sangat wajar diteladani. Pembelajaran al-Quran dari sudut menghafaz al-Quran bukan sahaja memerlukan cara dan sistem yang tepat malah ia juga mengambil kira kemampuan diri seseorang individu atau pelajar dari sudut perkembangan secara spiritual. Hal ini boleh dilihat dengan adanya hadis-hadis anjuran yang membina keyakinan kepada pelajar.

Begitu juga dengan konsep pemindahan ayat hafazan dari sudut ingatan dan tulisan yang digarapkan oleh Ibnu Sahnun dalam Jadual 1. Metod ini banyak diaplikasi dalam dunia hafazan al-Quran harini yang mana anjuran hafazan bukan sahaja difokuskan dari sudut hafazan melalui lisan sahaja malah diaplikasikan melalui tulisan ayat juga. Justeru dapat dirumuskan bahawa model pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh Ibnu Sahnun adalah sangat bertepatan dengan konsep pendidikan yang dianjurkan oleh syariat Islam secara tuntas. Model tersebut bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan generasi yang mampu membaca, memahami dan menghafaz Al-Quran, tetapi juga mampu mengamalkannya serta dapat mengajarkan kepada orang lain. Model ini dianggap relevan dan dapat dijadikan panduan dalam usaha melestarikan pendidikan Al-Quran di masa kini di samping mempertahankan keaslian ajaran Islam tradisional samada di peringkat sekolah, madrasah mahupun di peringkat universiti.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abi Abdullah Adil. (2014). *Adab al-Mu'allimin* (Abi Abdullah Adil, Ed.). Darul Lu'Lu' Liltiba'ah wal Nasyr.

Aflisia, N., Ahmad E.Q, N., & Suhartini, A. (2021). The Urgency of Theological Foundations in Islamic Education in the Industry Era 4.0 towards the Society Era 5.0. *International Journal of Education Research and Development*, 1(1). <https://doi.org/10.52760/ijerd.v1i1.4>

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, & Zulkarnain Zakaria, & Mahiz Spawi. (2018). The Development Of Al-Quran Education Module For Gifted And Talented Students: Permata Insan College Approach: Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan Di Kolej Permata Insan. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 5((2)), 22–33

Al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, Bab *Qaulillah Taala "Wa Asirru Qaulakum aw Ijharu bihi, Innahu 'Alim bi Dzaati As-Sudur, Ala Ya'lamu Man Khalaqa wa Huwa Al-Latiif Al-Khabir, no hadis 7527* Al-Dibagh, A. Z.-A. (1968). *Ma'alim al-Iman fi Makrifati Ahlil Qairawan*.

Al-Maliki, A. B. (1994). *Riyadhun Nufus fi Tabaqati Ulama' al-Qairawan wal Afriqiah*. Beirut: Dar al-Arabi al-Islami.

Engku Alwi, E. A. Z., Abu Bakar, N. A., & Subki, R. N. (2014). Islamic faith in Malaysia: Current issues and challenges. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(20). <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n20p1954>

- Farantika, D., Shofwan, A. M., & Azizah, L. (2022). The Significance of the Values of Multicultural Islamic Education in the Al-Quran and Al-Hadith. *Proceedings of the International Seminar on Business, Education and Science, 1*. <https://doi.org/10.29407/int.v1i1.2496>
- 'Iyadh, b. M.-S. (1983). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalaik li Makkrifati A'alam Mazhab Malik*. Morocco: Wizarah al-Auqaf wal Syu'un.
- Jamali, R. A., & Tengku Kasim, T. S. A. (2020). Implementation Of 21st Century Learning (Pak-21) In Teaching Tarannum Al-Quran. *International Journal of Modern Education, 2*(7). <https://doi.org/10.35631/ijmoe.27008>
- Mohammad Syafiq. (2019). *Adab Para Guru*. ABIM Press.
- Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul Zaman, M. A., & Zamri, F. A. (2019). Method Of Talaqqi Musyafahah In Teaching Al Quran Wa Al-Hifz Dini Curriculum Sabk In Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 4*(32). <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320025>
- Najadat., I.I.J. (2018). *Dirasah Muqaranah; Al-Fikru al-Tarbawi 'Inda Ibnu Sahnun wal al-Qabisi. Majallah al-Buhus al-Tarbawiyah wa al-Nafsiah*. <https://doi.org/10.52839/0111-000-057-019>
- Nor Adzimah Subirin, & Nor Hayati Alwi, F. M. F. U. K. A. M. and S. S. S. (2017). Ulul Albab Generation: Roles of Ulul Albab Teachers in Malaysian Selected School. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7*, 1022–1033.
- Nurhayati. (2015). Pemikiran Ibnu Sahnun dalam Perspektif Pendidikan Islam {81. *Jurnal Studi Penulisan Riset Dan Pengembangan Pendidikan Islam, 4*(2).
- Shahnun Binti Haji Musa, & Burhan Che Daud. (2023). Biografi Ibnu Sahnun: Ulama Pendidikan Kanak-Kanak: Biography of Ibnu Sahnun: Child Education Scholar. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge, 4*(1), 127–141. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/272>
- Syed Bidin, S. N. B., & Abu Mansor, N. S., & A. M. Z. (2014). Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 5*, 53–70.
- Soyyud, H. (2015). *Min Muhammad Ibnu Sahnun wa Abi al-Hasan al-Qabisi ila Ibnu Khaldun; Al-Fikru al-Tarbawi bi Bilad al-Arab. Majallah 'Usur al-Jadidah*. <https://doi.org/10.54240/2318-000-016.017-010>
- Usairi, A.I.M.F. (2021). *Adab al-Mu'allimin fi Dhau'I Kitabat Ibnu Sahnun wa al-Qabisi wa Tatbiqatuha al-Tarbawiyah fi Midan al-Madrasah. Majallah Ilmiah Muhkamah lil-Buhus al-Tarbawiyah wal al-Nafisah wa al-Ijtima'iyah, 40*(190). <https://doi.org/10.21608/jsrep.2021>.